



## KENYATAAN/SIARAN AKHBAR

Perbadanan Putrajaya (PPj) ingin merujuk kepada masalah yang dibangkitkan oleh pengadu berhubung 'Tempat Wuduk Masjid Putrajaya Terlalu Jauh' melalui segmen Surat dan E-mel Berita Harian pada 10 Jun 2009.

Dimaklumkan bahawa lokasi kemudahan tempat wuduk terletak agak jauh adalah disebabkan beberapa faktor. Bagi Masjid yang bersaiz besar seperti Masjid Putra yang boleh menampung 12000 jemaah, susunatur yang diluluskan mengambilkira kegunaan ruang secara optimum (*optimum usage of space*) supaya ianya teratur mengikut zon-zon yang di tetapkan.

Tempat wuduk wanita pula perlu diletakkan di tempat yang benar-benar sesuai kerana ianya melibatkan pendedahan aurat semasa mengambil wuduk. Ia tidak boleh diletakkan mengikut keselesaan (*convenience*). Begitu juga bagi ruang sembahyang wanita (yang lazimnya terletak di tingkat *mezzanine*) walhal secara amnya adalah lebih *convenient* diletakkan di tingkat bawah.

Sebagai makluman, Masjid Putra kini sedang menjalani kerja-kerja pembaikan dan kerja menaiktaraf yang sedang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya. Oleh itu, terdapat beberapa bahagian yang perlu ditutup untuk kerja-kerja tersebut.

Akibatnya beberapa lencongan perlu dibuat yang menyebabkan jarak ke tempat wuduk bertambah.

PPj amat menghargai keprihatinan pengadu berhubung perkara ini. Pengadu dan orang ramai juga dialu-alukan membuat aduan atau cadangan penambahbaikan terus kepada talian aduan PPj iaitu 03-88873000.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.



( ZAHARAH SALAMAT )  
Timbalan Pengarah Perhubungan Awam  
b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 04 Jun 2009

---

Disediakan oleh Bahagian Perhubungan Awam untuk PERBADANAN PUTRAJAYA - 1  
Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8887 5013

Akhbar : Berita Harian  
Segmen : Surat & E-mel  
M/s : 32  
Tarikh : 10 Jun 2009

### Tempat wuduk Masjid Putrajaya terlalu jauh

**M**ASJID Putrajaya memang kebanyakannya Malaysia, terutama keindahan seni bina Islamnya. Saya sudah beberapa kali bersembahyang di masjid itu walaupun tidak berapa sejuk kerana tiada pendingin hawa. Keadaan itu tidak menjadi masalah kepada saya. Tetapi, dalam perjumpaan dengan seorang warga emas di Masjid Putrajaya, semalam membuatkan saya terpanggil menulis komen ini supaya penambahbaikan dapat dilakukan di masjid berkenaan. Tempat wuduk di masjid itu yang agak jauh agak menyusahkan kepada pengunjung, terutama warga emas dan wanita mengandung. Walaupun lif disediakan, ia tetap menjadi masalah apabila seseorang batal air sembahyangnya dan terpaksa turun semula ke bawah untuk mengambil wuduk. Saya yang masih muda ini pun tercungap-cungap, apa lagi orang tua dan wanita sarat hamil. Kasihan saya melihat mereka.

Itu belum bab ketika sembahyang berjemaah dan tarawih.

Bayangkan jika ketika rakaat pertama seseorang batal wuduknya, dia terpaksa turun semula melalui tangga atau menunggu lif untuk mengambil semula wuduk. Dia mungkin tidak sempat untuk mengesajimat sembahyang berjemaah itu.

Oleh itu, saya mohon pihak pengurusan Masjid Putrajaya supaya meneliti masalah ini. Mengikut pandangan mak cik itu, setiap tingkat ruang solat wajar disediakan tempat mengambil wuduk, cukup dengan dua paip air saja.

Tandas biarlah di bahagian bawah ruang solat kerana itu memang tidak menjadi masalah. Tapi, yang pentingnya ialah wuduk inilah baru dikatakan selesai untuk bersembahyang.

Masjid sepatutnya bukan saja indah rupanya tetapi juga dari segi penyelesaian pengunjung.

**WARGA PRIHATIN,**  
*Masjid Putrajaya.*